

Produk Malaysia berkualiti

**Orang ramai perlu
buang persepsi
negatif barangan
buatan Malaysia
tidak setanding
import**

HIDAYAH HAIROM

SUBANG JAYA

Nilai jualan produk buatan Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak RM40 bilion setakat September lalu berbanding nilai yang direkodkan sepanjang 2018 membuktikan produk buatan Malaysia adalah berkualiti.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ChongChiang Jen berkata, melihat pada angka tersebut, sudah tiba masanya rakyat Malay-



FOTO: ASRI LASMWANI SHUKOR

Chiang Jen (tiga dari kanan) dan Ameer Ali (kanan) melihat barangan yang dijual sempena Kempen Beli Barangan Malaysia 'Inilah Malaysia Punya' di pasar raya Mydin, USJ Subang Jaya semalam.

sia membuang persepsi negatif terhadap produk tempatan yang sering dilabel tidak setanding dengan barangan import.

Menurutnya, salah faham terhadap kualiti produk Malaysia perlu diperbetulkan dengan menyahut seruan Kempen Beli Barangan Malaysia.

produk Malaysia adalah bermutu serta berkualiti.

"Kita eksport produk dengan banyak, sudah tentu eksport barangan yang bagus, jadi salah faham ini perlu diatasi," katanya pada Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia 'Ini Malaysia Punya' di pasar raya Mydin di sini semalam.

Chiang Jen berkata, kerajaan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dan sokongan untuk memberi rangsangan kepada industri tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Kerajaan juga menghargai usaha daripada Mydin yang memberi ruang pemasaran untuk produk PKS.

"Kempen ini akan dilaksanakan secara berterusan dengan meningkatkan kesedaran kepada pengguna," katanya.

Sementar itu, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Wira Ameer Ali My-

din berkata, pihaknya menyambut usaha kerajaan dengan menggerakkan kempen tersebut agar dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri usahawan tempatan dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

Menurutnya, sehingga kini sebanyak 1,500 jenis produk tempatan telah mendapat ruang pemasaran di Mydin yang mampu bersaing dengan produk luar.

"Setiap hari ada produk tempatan yang mahu masuk, namun cabaran dalam memberi ruang pemasaran produk tempatan ini daripada segi ruang yang terhad.

"Kerana itu, Mydin Sediakan tempat dan pihak pengeluar perlu bekerja keras memastikan produk mereka dapat dijual. Jika mereka tidak jaga produk mereka, kita terpaksa keluarkan dan beri ruang kepada produk baharu," katanya.

Kempen Beli Barangan Malaysia 'Ini Malaysia Punya' Mydin bermula 18 Oktober lalu sehingga Disember depan.